



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**26 MEI 2021 (RABU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**26 MEI 2021 (RABU)**

HARI : RABU  
TARIKH : 26/05/2021  
M/SURAT : 3



# Bekalan asas di Pulau Pinang cukup

KPDNHEP sentiasa pantau, pemeriksaan bekalan barang sepanjang PKP 3.0

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang memberi jaminan bekalan barang asas bagi isi rumah mencukupi untuk menampung pengguna di negeri ini sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pengaruhnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, pihaknya sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan bekalan barang keperluan dalam memastikan bekalan mencukupi bagi keperluan pengguna di Pulau Pinang sehingga 7 Jun ini.

Menurutnya, pemeriksaan juga dijalankan di setiap peringkat iaitu pengilang, pengeluar,

MENDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
APA TINDAKAN  
**KITA?**



Pegawai KPDNHEP Pulau Pinang sentiasa membuat pemeriksaan bagi memastikan bekalan asas mencukupi selain tiada pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang keperluan.

pemborong dan peruncit bagi memastikan bekalan barang isi rumah mencukupi.

“Berdasarkan pemantauan harian barang ke atas

pasar raya serta peruncit daerah terpilih (Dedicated District Retailer) pada 22 Mei 2021, kita mendapati bekalan seperti 258,581 kilogram (kg) gula, minyak masak (401,615kg), tepung (60,202kg) dan beras (1,112,330kg) berada dalam simpanan peniaga.

“Selain itu pemantauan dan pemeriksaan telah dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan tiada mana-mana pe-

niaga yang mengambil kesempatan memanipulasikan bekalan serta cuba menaikkan harga bagi mendapatkan keuntungan yang tidak munasabah,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan berkompromi sekiranya mendapati ada pihak yang menaikkan harga barang atau perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan yang tidak munasabah.

“Tindakan tegas akan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 atau Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi yang didapati cuba menyorokkan barang kawalan,” katanya.

# Makanan, peningkatan kos utiliti puncak harga ayam naik

**GEORGE TOWN** – Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mensesahkan menerima maklum balas daripada peniaga berhubung peningkatan kos utiliti di peringkat penternak menjadi puncak kenaikan harga ayam di pasar awam di negeri ini.

Pengaruhnya, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, hasil pemantauan pasukannya mendapat telah berlaku kenaikan harga semasa ayam standard antara RM8.50 hingga RM10 sekilogram.

Menurutnya, pemeriksaan dijalankan selepas perwartaan Skim Harga Maksimum Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 ber-



## KERATAN Kosmo/semalam.

akhir pada 20 Mei lalu termasuk sebagai persediaan sambutan perayaan Deepavali tidak lama lagi.

"Pemantauan di lima daerah di negeri ini mendapat harga semasa ayam standard di Pasar Fettes Park, Pasar Tarjung Bun-

gah dan Pasar Awam Bagan Ajam dijual sekitar RM10 sekilogram.

"Tinjauan di Pasar Awam Chai Leng Park, Pasar Awam Nibong Tebal dan Pasar Awam pula mendapat harga jualan ayam yang terendah iaitu RM8.50 sekilogram.

"Walau bagaimanapun, harga Ayam Standard di sebuah pasar raya serta cawangannya di Pulau Pinang adalah konsisten dengan harga RM3.99 sekilogram," kata dia kepada Kosmo! di sini semalam.

Namun jelasnya, hasil pemeriksaan di beberapa pasar raya lain didapati turut berlaku peningkatan berbanding dengan harga yang ditetapkan semasa

SHMMP Aidilfitri 2021 lalu. Beliau memberitahu, hasil maklumat yang diperolehi daripada peniaga memaklumkan kenaikan harga ayam berpunca daripada peningkatan kos utiliti penternak berikut dakwaan kenaikan harga makanan ayam.

Dalam pada itu, Mohd. Ridzuan berkata lagi, pihaknya telah mengeluarkan satu notis kepada sebuah pengilang makanan ayam di Butterworth pada 5 Mei lalu bagi mendapatkan maklum balas berhubung kenaikan harga makanan ayam.

Siasatan akan dijalankan

mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan

2011.



RIDZUAN

**MOHD. RIDZUAN**



## DAGING CECAH RM45 SEKILOGRAM DI P. PINANG »7

Peniaga enggan tanggung rugi  
ekoran pembekal naikkan harga



MOHAMMAD REZUWAN ketika ditemui di kandang ternakan lembu tempatan yang diusahanya di Jalan Perak, George Town semalam.

Harga daging lembu tempatan kekal tinggi

## Masih RM40 hingga RM45 sekilogram

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Peniaga daging tempatan di pasar awam termasuk gerai penjaja di negeri ini tiada pilihan lain untuk mengekalkan harga barang keperluan itu selepas berakhir tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021, 20 Mei lalu.

Harga RM40 hingga RM45 bagi sekilogram daging lembu tempatan juga dikatakan kekal sama di peringkat peruncit atau peniaga sepanjang skim tersebut dikuatkuasakan mulai 20 April lalu.

Cuma terdapat sebilangan kecil peniaga daging tempatan sahaja yang akur dengan arahan kerajaan dengan menjual mengikut harga kawalan serendah

RM20 hingga RM34 bagi setiap sekilogram daging cincang.

Difahamkan, ada peniaga terpaksa bertindak mencampurkan daging cincang tempatan dan import semata-mata mahu mengelak daripada dikenakan tindakan kompaun oleh pihak berkuasa sepanjang SHMMP berlangsung.

Seorang peniaga daging tempatan, Ahmad, 56, berkata, dia terpaksa mengekalkan harga sama bagi sekilogram daging lembu tempatan ketika ini kerana tidak sanggup menanggung kerugian.

“Kami hanya merasai keuntungan kecil berbanding sebelum ini, di peringkat pembekal, mereka menjual pada harga RM32 sekilogram bersama tulang, tetapi, apabila sampai ke tangan

kami, bekalan itu terpaksa dipilih dan dibuang bahagian tulang dan lemaknya. Jumlah berat berkurang dan kami mula tanggung rugi,” katanya.

Bagi pembekal daging tempatan, Mohammad Rezuwan Mazlan, 39, pula memberitahu, biarpun berlaku kenaikan harga lembu hidup tetapi dia mengambil pendekatan untuk mengekalkan harga sama iaitu RM31.40 bagi sekilogram.

“Naik sebanyak 30 sen menjadi RM15.50 sekilogram bagi harga lembu hidup di pasaran ketika ini.

“Namun saya masih mempunyai prinsip membantu golongan peniaga yang tersepit dengan harga jualan di pasaran,” jelasnya.

Orang tengah tidak terlibat, kos ayam di ladang turun 60 sen

# Peniaga tamak main harga

Oleh MOHAMAD  
**HAFIZ YUSOFF BAKRI**  
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kenaikan harga ayam mencecah RM9.50 sen sekilogram bukan permainan orang tengah mahupun peniaga, sebaliknya keputusan peniaga sendiri.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Perniagaan Malaysia, Jeffery Ng berkata, pada masa ini harga ayam di ladang turun 60 sen berbanding RM5.80 sebelum ini berikutan faktor permintaan berkurangan.

Sehubungan itu, katanya, pihak berkusa perlu bertindak bagi memastikan peniaga tamak dikenaikan tindakan sewajarnya.

“Harga di ladang turun. Jika harga di pasar atau pasar raya naik, kami tidak boleh buat apa-apa. Saya difahamkan ada yang beri alasan kenaikan tersebut dibuat bagi menampung kerugian sebelum ini.

“Jadi adakah ini sudah melanggar Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011). Pihak berkusa sepatutnya memantau mereka jika imbenar-



MASIH ada peniaga ayam mengekalkan harga berpatutan semasa tinjauan di Pasar Selayang, Selangor, semalam. -UTUSAN/ AFIQ RAZALI

Mereka boleh bantu kami terutama membabitkan contract farming untuk pasarkan terus ayam-ayam ini kepada koperasi dan pasar raya.

“Ini sekali gus dapat membantu pengguna dan dalam masa yang sama menampung betulan di mana-mana negeri yang mengalami kekurangan bekalan ternasuk yang terbaharu di Kelantan,” jelasnya.

Mereka boleh bantu kami terutama membabitkan contract farming untuk pasarkan terus ayam-ayam ini kepada koperasi dan pasar raya.

“Ini sekali gus dapat membantu pengguna dan dalam masa yang sama menampung betulan di mana-mana negeri yang mengalami kekurangan bekalan ternasuk yang terbaharu di Kelantan,” jelasnya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Penternak Ayam Selangor

**Idris Zainal Abidin** berkata, kerajaan perlu bertindak sekarang termasuk menggunakan semua syarikat milik kerajaan (GLC) bagi membantu memasarkan ayam secara terus kepada pengguna.

“Kita ada Felda dan Felcra.